

16 APR 2002

Mahathir-tiba (bergambar)

DR MAHATHIR TIBA DI MAGHRIBI

Oleh: Mohd Arshi Daud dan Khairdzir Yunus

RABAT, 16 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali tiba di Maghribi malam tadi untuk memulakan lawatan empat hari ke negara Afrika utara ini.

Perdana Menteri diiringi rombongan 185 anggota terdiri menteri kabinet, pegawai kerajaan dan ahli perniagaan.

Kunjungan beliau ke sini bertujuan meningkatkan hubungan dua hala dan perdagangan. Dari sini, Perdana Menteri akan ke Libya dan Bahrain.

Pesawat Penerbangan Malaysia yang disewa khas membawa Dr Mahathir dan rombongan, mendarat pada 7.05 malam (3.05 pagi waktu Malaysia) di Lapangan Terbang Sale di Rabat, ibu negara Maghribi.

Ketibaan Dr Mahathir disambut oleh Perdana Menteri Maghribi Abdurrahmane Youssoufi.

Dr Mahathir kemudian memeriksa perbarisan kehormatan terdiri anggota-anggota angkatan bersenjata Maghribi.

Selepas upacara sambutan rasmi, rombongan ahli perniagaan berlepas dengan pesawat khas itu ke Casablanca untuk mengadakan pertemuan dengan ahli-ahli perniagaan Maghribi. Dr Mahathir akan menyertai mereka pada hari Rabu.

Hari ini, Perdana Menteri akan mengadakan mesyuarat dengan Abdurrahmane selepas satu upacara meletak kalungan bunga di Makam Mohammed V.

Beliau juga akan menghadap Raja Mohammed VI.

Dr Mahathir akan menyaksikan upacara menandatangani perjanjian dua hala dan memorandum persefahaman selain mengadakan pertemuan dengan pelajar-pelajar Malaysia dan berdialog dengan golongan cendekiawan Islam dan anggota parlimen Maghribi.

Malam ini, beliau akan diraikan pada satu jamuan anjuran Abdurrahmane.

Di Casablanca, Dr Mahathir akan berdialog dengan masyarakat perniagaan Maghribi selain melawat SOMACA, kilang pemasangan kereta nasional Maghribi.

Pada Khamis, beliau dan rombongan akan berlepas ke Libya.

-- BERNAMA

MAD KHY MAI